31 Januari 2017
*31 January 2017*
P.U. (A) 43

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA WARGANEGARA REPUBLIK SUDAN) (PENGECUALIAN) 2017

## *PASSPORTS (VISA TO THE CITIZEN OF THE REPUBLIC OF SUDAN) (EXEMPTION) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

AKTA PASPORT 1966

PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA WARGANEGARA REPUBLIK SUDAN) (PENGECUALIAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Pasport 1966 [*Akta 150*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Visa kepada Warganegara Republik Sudan) (Pengecualian) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2017.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, "dokumen perjalanan yang sah" ertinya Pasport Diplomatik, Persendirian, Misi, Biasa atau Komersial yang dikeluarkan kepada warganegara Republik Sudan.

**Pengecualian**

3. Menteri mengecualikan semua warganegara Republik Sudan yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah daripada keperluan visa yang dikehendaki di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada syarat yang berikut:

*(a)* tempoh Pas Lawatan Sosial yang diberikan kepada warganegara Republik Sudan hanya terhad kepada sembilan puluh hari bagi setiap kemasukan tanpa apa-apa pelanjutan tempoh;

*(b)* warganegara Republik Sudan hendaklah masuk dan keluar dari Malaysia hanya melalui pintu masuk yang dibenarkan sebagaimana yang diwartakan di bawah subseksyen 5(1) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*]; dan



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

*(c)* apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Dibuat 24 Januari 2017
[KDN(S): IM 03/426/1/134; PN(PU2)482]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
*Menteri Dalam Negeri*



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

PASSPORTS ACT 1966

PASSPORTS (VISA TO THE CITIZEN OF THE REPUBLIC OF SUDAN) (EXEMPTION) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by section 4 of the Passports Act 1966 [*Act 150*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Passports (Visa to the Citizen of the Republic of Sudan) (Exemption) Order 2017**.

(2) This Order comes into operation on 1 February 2017.

**Interpretation**

2. In this Order, "valid travel document" means a Diplomatic, Private, Mission, Ordinary or Commercial Passport issued to the citizen of the Republic of Sudan.

**Exemption**

3. The Minister exempts all citizens of the Republic of Sudan with a valid travel document from the requirement of visa required under subsection 2(1) of the Act subject to the following conditions:

*(a)* the period of Social Visit Pass granted to the citizen of the Republic of Sudan shall only be limited to ninety days for each entry without any extension of period;

*(b)* the citizen of the Republic of Sudan shall enter and exit from Malaysia only through the authorized points of entry as gazetted under subsection 5(1) of the Immigration Act 1959/63 [*Act 155*]; and

*(c)* any other conditions as may be determined by the Director General of Immigration.



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

Made 24 January 2017
[KDN(S): IM 03/426/1/134; PN(PU2)482]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
*Minister of Home Affairs*



Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia